

# Malaysia, Cisco bekerjasama percepat pendigitalan

**PETALING JAYA:** Malaysia, antara ekonomi paling teguh di Asia Tenggara dan Cisco, pen-eraju dunia dalam teknologi yang menjana Internet, baru-baru ini menandatangani rangka-kerja kerjasama bertujuan memajukan agenda pendigitalan negara.

Kerjasama itu dirasmikan di majlis menandatangani perjanjian Khamis lalu yang turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang dalam rangka lawatan ke Washington DC bersempena Sidang Kemuncak Khas Amerika Syarikat (AS)-ASEAN dihoskan oleh Presiden AS, Joe Biden.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif MyDigital Corporation, Fabian Bigar; Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Naib Presiden Kanan dan Pegawai Inovasi Global Cisco, Guy Diedrich; Presiden Cisco Asia Pasifik, Jepun dan China, Dave West dan Pengarah Urusan Cisco Malaysia, Hana Raja.

Menurut Cisco, majlis itu juga menandakan komitmen Cisco dan menetapkan asas untuk program CDA baharu



**DARI Kiri: Guy Diedrich, Hana Raja, Ismail Sabri Yaakob dan Dave West pada majlis menandatangani rangka kerja kerjasama antara Cisco dan Malaysia di Washington, Khamis lalu.**

Cisco di Malaysia, sejajar dengan agenda transformasi digital Malaysia dan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL), yang bertujuan memupuk keterangkuman sosial dan daya tahan ekonomi melalui transformasi digital

berskala besar.

Dalam pada itu, Fabian berkata, Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) dan kemajuan pesat transformasi digital menunjukkan betapa pentingnya pendigitalan dalam kedua-dua sektor awam

dan swasta.

"Dalam usaha memanfaatkan potensi masa depan digital dengan sepenuhnya, semua pihak berkepentingan mesti berganding bahu memacu pertumbuhan ekonomi digital, termasuk merapatkan jurang digital.

"Kami tidak sabar untuk bekerjasama dengan Cisco dan membawa program CDA ke Malaysia. Ini merupakan langkah penting dalam merealisasikan masa depan digital kami," katanya.

Program CDA Cisco di Malaysia akan memberi tumpuan kepada empat teras utama:

- Transformasi digital dalam sektor awam,
- Transformasi digital dalam industri, terutamanya dengan tumpuan pada transformasi dan inovasi dalam sektor tenaga dan utiliti,
- Transformasi digital dalam perniagaan kecil dan sederhana (PKS), dan
- Transformasi digital dalam sektor pembekal perkhidmatan, dengan tumpuan pada inovasi 5G.

"Melalui teras strategik ini, program CDA akan memanfaatkan kerjasama yang teguh antara rakan kongsi industri, ahli akademik dan pucuk pimpinan kerajaan dalam usaha memupuk komuniti mampan dan ekonomi berdaya tahan melalui inovasi dan penyelesaian digital," jelas syarikat itu.